

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

AOP 302 - Undang-Undang Perhubungan
Perusahaan dan Pekerja

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Bincangkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh pihak Kerajaan, Majikan dan Pekerja dalam mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan dan buruh di negara ini.

[100 markah]

2. Dalam satu Perundingan Bersama di antara pihak Majikan dan Pekerja telah dibangkitkan persoalan untuk menaikkan gaji, syarat kerja yang lebih baik dan bonus tahunan. Pihak Majikan dan Pekerja berkeras untuk tidak mahu menunaikan permintaan di antara satu sama lain. Suasana perundingan telah menjadi kecoh dan pihak Pekerja mengugut untuk mencederakan pihak Majikan. Perkelahian mungkin boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Kedua-dua belah pihak kemudiannya melantik anda sebagai Penimbangtara (arbitrator) untuk membantu mereka menyelesaikan perbalahan yang mereka hadapi. Nyatakan cara-cara yang boleh anda lakukan untuk mencapai kejayaan dalam perundingan bersama di antara pihak Majikan dan Pekerja serta nyatakan juga kaedah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan kebuntuan (deadlock) yang mungkin berlaku.

[100 markah]

...2/-

3. Bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Maksud, kriteria dan syarat penubuhan Kesatuan Sekerja di Malaysia.
- (b) Fungsi Kesatuan Sekerja di Malaysia secara am.

[100 markah]

4. Kerana tidak puashati dengan sikap Majikan yang enggan memberikan bonus tahunan sebanyak 20 peratus daripada keuntungan kepada pihak Pekerja, tiga orang pemimpin Kesatuan Sekerja yang terdiri daripada Mee Hoon, Yong Tau Foo dan Char Koay Teow telah merancang untuk menganjurkan tindakan perusahaan. Mee Hoon bercadang untuk menganjurkan mogok, Yong Tau Foo bercadang untuk melakukan ancaman dan Char Koay Teow bercadang untuk mengadakan piket. Pihak Majikan pula yang diwakili oleh Lak Saa bercadang untuk membalas dendam dengan memberi amaran untuk mengadakan pemberhentian (lock-outs). Nasihatkan pihak-pihak yang terlibat tentang peruntukan undang-undang yang mesti dipatuhi sebelum tindakan perusahaan mereka lakukan.

[100 markah]

5. Bincangkan peruntukan yang terdapat dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 berkenaan dengan perlindungan yang diberikan oleh undang-undang terhadap Majikan dan Pekerja. Pada pendapat anda, adakah perlindungan ini mencukupi?

[100 markah]

6. Tapai Singh telah dituduh tertidur semasa menjalankan tugas di sebuah kilang elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau akan dihadapkan ke hadapan Siasatan Domestik (domestic inquiry) sebelum dikenakan tindakan disiplin ke atasnya. Sebagai seorang peguam, anda dikehendaki menasihatkan pihak majikan tentang acara Siasatan Domestik yang akan dilakukan ke atas Tapai Singh.

[100 markah]

...3/-

AOP 302

7. Bincangkan peruntukan penting yang terdapat dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Mengapakah akta ini dianggap sebagai akta terpenting dalam undang-undang perhubungan perusahaan dan buruh di Malaysia?

[100 markah]

8. Berikan cadangan anda bagaimanakah undang-undang perhubungan perusahaan dan buruh negara ini dapat diperbaiki bagi mempertingkatkan lagi keharmonian perusahaan negara di masa akan datang.

[100 markah]

oooo000oooo